

27/07/1999

Dr Mahathir tidak terbabit kes Perwaja

reports on "Dewan Rakyat" by Jamhariah Jaafar; Wan Hazmir Bakar
KUALA LUMPUR, Isnin - Siasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR) terhadap kes Perwaja Steel Sdn Bhd (Perwaja) setakat ini tidak menunjukkan sebarang pembabitan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, Dewan Rakyat hari ini menolak usul Ketua Pembangkang, Lim Kit Siang, supaya persidangan ditangguhkan bagi membincangkan laporan polis Datuk Seri Anwar Ibrahim, berhubung perkara itu.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Datuk Ong Tee Kiat, berkata perkara itu tidak perlu disegerakan kerana masih terlalu awal bagi pihak terbabit mengambil apa-apa tindakan terhadap laporan yang dibuat Anwar pada 21 Julai lalu.

Katanya, untuk sesuatu usul dipertimbangkan bagi perbincangan ia perlu menyentuh perkara tertentu, untuk kepentingan umum dan berkehendakkan disegerakan.

"Saya sudah meneliti perkara ini dan mendapati bahawa perkara ini adalah perkara tertentu dan bagi kepentingan orang ramai tetapi ia tidak perlu disegerakan.

"Saya difahamkan penyiasatan setakat ini tidak menunjukkan sebarang pembabitan Perdana Menteri. Oleh itu saya menolak usul ini," katanya mengenai usul Lim yang diterimanya pada jam 3.35 petang Jumaat lalu.

Anwar dalam laporan polisnya Rabu lalu berkata, pada awal 1996 Kementerian Kewangan diberitahu bahawa Perwaja hampir muflis dan memerlukan suntikan dana besar-besaran daripada kerajaan.

Anwar mendakwa, cubaan awal Kementerian Kewangan untuk mendapatkan maklumat terperinci daripada pengurusan Perwaja pada masa itu, khasnya Pengarah Urusannya, Tan Sri Eric Chia, berhubung perkara itu gagal.

Menurut Anwar, Eric Chia berkali-kali mendakwa tindakannya mendapat sokongan dan adalah arahan daripada Perdana Menteri serta mengemukakan surat yang ditulis sendiri oleh Dr Mahathir.

Ong berkata, beliau juga difahamkan BPR sudah membuat siasatan berhubung laporan terdahulu tetapi tidak dapat mengesahkan dakwaan berhubung sebarang salah laku.

Katanya, ini kerana penyiasatan itu memerlukan kerjasama beberapa saksi di luar negara serta kesulitan teknikal perbankan antarabangsa.

"Penyiasatan BPR itu belum lagi dapat mengesahkan sama ada pembayaran itu menyalahi mana-mana undang-undang dan siasatan masih diteruskan," katanya.

Lim dalam usul yang dibacakan pada permulaan persidangan Dewan Rakyat hari ini berkata, laporan polis itu membuka sudut baru skandal Perwaja dengan mengaitkan untuk pertama kalinya pembabitan Perdana Menteri.

Katanya, hakikat bahawa Perwaja menanggung kerugian berkumpul RM2.985 bilion serta liabiliti RM6.939 bilion pada akhir tahun 1995 menjadikannya skandal kewangan paling hebat dalam sejarah Malaysia.

Sehubungan itu, beliau meminta Suruhanjaya Penyiasatan Diraja ditubuhkan bagi menyasat skandal itu bukan saja untuk membersihkan nama Perdana Menteri, tetapi juga memastikan isu itu tidak menjadi `jenayah serius tanpa penjenayah'.

"Dengan terbongkarnya maklumat baru dalam laporan polis berkenaan, Parlimen mempunyai tanggungjawab untuk memastikan sama ada alasan sebenar penyiasatan BPR terhadap skandal Perwaja tidak mendapat sebarang hasil adalah kerana pembabitan terus Perdana Menteri," katanya.

(END)

